

10/03/1997

Padang Jubli Intan dikekalkan

Jamaludin Husin

MUAR, Ahad - Kerajaan negeri membatalkan program untuk menjadikan kawasan tanah lapang di hadapan bangunan Dewan Jubli Intan Tangkak, di sini sebagai tapak untuk pembinaan projek komersil yang dicadangkan lebih tiga tahun lalu.

Tindakan itu bertujuan mengekalkan identiti daerah kecil Tangkak yang sebelum ini mempunyai kawasan tanah lapang yang boleh dijadikan tempat perhimpunan rakyat bagi acara sambutan majlis kebesaran dan keraian peringkat daerah kecil berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kawasan tanah lapang yang lebih dikenali sebagai Padang Dewan Jubli Intan Tangkak itu mempunyai nilai sejarah tersendiri untuk dikekalkan.

"Ini kerana padang itu bukan sahaja menjadi tempat perhimpunan rakyat jika ada sambutan dan majlis keraian, malah ia dijadikan tempat kegiatan sukan serta persembahan kebudayaan.

"Berikutan itu, selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara dalam taman, kerajaan negeri berpendapat kawasan tanah lapang di Tangkak ini perlu dikekalkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis sambutan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina anjuran Barisan Nasional (BN) Parlimen Ledang yang diadakan di padang itu, di sini, malam tadi.

Abdul Ghani berkata, kerajaan negeri sudah berunding dengan syarikat pemaju yang mendapat kontrak untuk memajukan kawasan berkenaan dan pihak terbabit turut memahami tujuan mengapa tanah lapang itu patut dikekalkan.

Menurutnya, pembatalan program itu juga tidak menjejaskan prestasi syarikat berkenaan kerana pemaju terbabit boleh mencari kawasan lain untuk dimajukan.

"Padang Dewan Jubli Intan Tangkak sebelum ini sering dijadikan tempat perhimpunan untuk acara sambutan Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Sultan Johor dan Majlis Sambutan Maulidur Rasul setiap tahun sejak lebih 30 tahun.

"Jika padang ini dibangunkan dengan projek komersil, pihak penganjur menghadapi masalah mendapatkan kawasan lain bagi mengadakan acara itu pada masa akan datang," katanya.

(END)